**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

| No. Sebutharga | Butir-butir Tawaran | Syarat Pendaftaran | Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak | Harga Dokumen Sebutharga | Tarikh Pembelian |
|---|---|---|---|---|---|
| MDM / SH / 04/ 2026 | Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Terminal Bas Maran Serta Kerja-kerja Berkaitan, MD Maran, Pahang Darul Makmur. | **Gred G3** Kategori Awam, Pengkhususan CE21 | 10.03.2026 (Selasa) Jam 9:00 pagi Berkumpul di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran **Sesi lawatan tapak ini diwajibkan.** | **RM50.00** (Tunai/ Debit Kad/ Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/ Bank Deraf) Atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Maran** | 10.03.2026 (Selasa) hingga 12.03.2026 (Khamis) 8:30 pagi hingga 4:30 petang Dan 13.03.2026 (Jumaat) 8:30 pagi hingga 12:00 tengahari di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran. |
| MDM / SH / 05/ 2026 | Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Padang Kompleks Maran Serta Kerja-kerja Berkaitan, MD Maran, Pahang Darul Makmur. | | | | |
| MDM / SH / 06/ 2026 | Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Chalet-Chalet Majlis Daerah Maran Serta Kerja-kerja Berkaitan, MD Maran, Pahang Darul Makmur. | | | | |
| MDM / SH / 07/ 2026 | Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Taman Lalulintas Bandar Maran Serta Kerja-kerja Berkaitan, MD Maran, Pahang Darul Makmur. | **Gred G2** Kategori Awam, Pengkhususan CE21 | 10.03.2026 (Selasa) Jam 3:00 petang Berkumpul di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran **Sesi lawatan tapak ini diwajibkan.** | | |
| MDM / SH / 08/ 2026 | Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Pasar Besar Maran Serta Kerja-kerja Berkaitan, MD Maran, Pahang Darul Makmur. | **Gred G1** Kategori Awam, Pengkhususan CE21 | Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini. Sesi lawatan tapak ini **tidak diwajibkan** Koordinat tapak : 3.582821, 102.775687 | **RM20.00** (Tunai/ Debit Kad/ Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/ Bank Deraf) Atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Maran** | |

2. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Bagi maksud ini kontraktor hendaklah mendaftarkan Lesen Kontraktor dengan Majlis Daerah Maran bagi Tahun 2026 dengan mengemukakan **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** (PPK) daripada CIDB, **Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** (SSPK) daripada CIDB, **Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada PPK dengan Gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dalam tempoh yang sah. Pihak kontraktor juga perlu mengemukakan **Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan** daripada SSM yang masih dalam tempoh sah, **Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** daripada LHDN dengan status PATUH serta mendaftarkan Lesen Perniagaan dengan Majlis Daerah Maran dan mengemukakan **salinan resit pembayaran (bil lesen)** bersama-sama dokumen sebutharga yang dikemukakan.

3. Kontraktor juga hendaklah mengemukakan **penyata bank 3 bulan semasa** bersama-sama dokumen sebutharga bagi tujuan penilaian modal kewangan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (P.K. 2.9) semasa.

4. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan kontraktor. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **16 Mac 2026 ( Isnin ) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**
**" TELITI PASTI BERKUALITI "**

Saya yang menjalankan amanah,

**Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat, AMP.**
YANG DIPERTUA
Majlis Daerah Maran

Tarikh : 02 Mac 2026